

FYI



No Permit:PP13200/12/2013(O32007)
September 2018:ISSN 1675-5464

Your OSH preferred partners

ADAKAH INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) MASIH SUKAR UNTUK MENGAMALKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)?

TIDAK BOLEH BERUBAH KEPADA LEBIH SELAMAT DAN SIHAT?

Laporan khas pelaksanaan program
WORK IMPROVEMENT FOR SMALL MEDIUM ENTERPRISES (WISE)



(Bahagian 2)


ADAKAH INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) MASIH SUKAR UNTUK MENGAMALKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)?

TIDAK BOLEH BERUBAH KEPADA LEBIH SELAMAT DAN SIHAT?

5.0 HASIL PELAKSANAAN PROGRAM WISE 2017

5.1 Analisis demografi


Rajah 8.1 Pembahagian syarikat mengikut bilangan pekerja



Sebanyak 47 syarikat telah menyertai program *WISE* pada tahun 2017. Kesemua syarikat merupakan IKS yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Rajah 5.1 menunjukkan bilangan pekerja di dalam setiap syarikat yang menyertai program ini. Daripada 47 buah syarikat, 2.2% memiliki pekerja kurang daripada 5 orang (industri mikro), 86.7% di antara 5 hingga 75 orang (industri kecil) dan 11.1% di antara 75 hingga 200 orang pekerja (industri sederhana).

Rajah 8.2. Pembahagian syarikat mengikut jenis sektor



Berdasarkan kepada rajah di atas, majoriti daripada peserta yang terlibat merupakan daripada sektor logam dan pemprosesan makanan & minuman dengan masing-masing merangkumi 24.4% dan 22.2% daripada keseluruhan peserta. Selain itu, terdapat juga peserta daripada industri lain-lain termasuklah tekstil, elektronik dan penghasilan bahan kimia.

5.2 Masalah berkaitan KKP yang dikenalpasti di dalam syarikat IKS

Rajah 8.3 Masalah yang dikenalpasti di dalam pengurusan syarikat IKS



Objektif utama audit KKP dijalankan adalah bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat terlibat berbandarkan senarai semak yang telah dibangunkan oleh NIOSH. Terdapat 9 elemen yang telah dimasukkan ke dalam senarai semak yang digunakan dan elemen-elemen ini adalah berbandarkan kepada elemen yang digunakan di dalam modul latihan *WISE* yang dibangunkan oleh *ILO*. Berdasarkan rajah di atas, elemen pengurusan dokumen KKP adalah elemen yang paling banyak dikenalpasti sebagai elemen yang perlu dilakukan penambahbaikan oleh syarikat yang terlibat iaitu sebanyak **95.6%** daripada keseluruhan peserta. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan IKS masih tidak mempunyai dokument-dokumen berkaitan KKP seperti yang dikehendaki di bawah AKKP 1994. Ini diikuti oleh 4 bahagian iaitu 1) kemudahan kebajikan, 2) bangunan, 3) kawalan bahan bahaya dan 4) keselamatan mesin produktif sebanyak **86.7%**.

5.3 Penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat IKS

Rajah 8.4 Kategori penambahbaikan syarikat IKS



Rajah ini menunjukkan kategori penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat IKS yang menyertai program ini. Kategori ini adalah berdasarkan jumlah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh syarikat selepas pra penilaian oleh pihak NIOSH. 4 kategori yang diwujudkan adalah cemerlang, baik, memuaskan dan tidak memuaskan. 77% daripada keseluruhan peserta mencapai kategori cemerlang di mana pihak syarikat telah melaksanakan penambahbaikan lebih daripada 5 cadangan yang diberikan oleh pihak NIOSH. 19% syarikat pula mencapai kategori baik dan 4% mencapai kategori memuaskan. Syarikat di bawah kedua-dua kategori ini telah melakukan penambahbaikan pada jumlah minimum iaitu sebanyak 5 penambahbaikan ataupun kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan.

6.0 AKTIVITI AUDIT KKP YANG DIJALANKAN



7.0 HASIL PENAMBAHBAIKAN KKP

Pra penilaian	Pasca penilaian
	
Alat pemadam api diletakkan di tempat yang tidak bersesuaian dan tiada label	Tempat meletak alat pemadam api telah dilabelkan di tempat yang bersesuaian
	
Bahagian berputaran pada mesin tidak dipasang penghadang	Penghadang baru telah dipasang pada mesin
	
Railing tidak dipasang selepas kerja-kerja pemindahan bahan mentah	Railing telah dipasang dan telah diubahsuai bagi memudahkan pekerja memasang semula setelah kerja-kerja pemindahan bahan mentah
	
Surgical mask yang dipakai oleh pekerja di waxing station adalah tidak sesuai disebabkan terdedah kepada asap bahan kimia	Pekerja menggunakan R95 mask yang lebih sesuai di waxing station
	
Barang bersepeh dan sukar untuk di cari	Rak penyimpanan alatan telah disediakan

8.0 CABARAN PELAKSANAAN KKP DI IKKS PROGRAM WISE

- Sukar mendapatkan komitmen daripada pemilik atau pengurusan tertinggi syarikat yang terpilih untuk terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program WISE di tempat mereka.
- Terdapat syarikat yang menarik diri di saat akhir menyebabkan pengurangan jumlah syarikat yang menyertai program berkurangan daripada 50 kepada 47 sahaja.
- Tempoh masa yang diberikan bagi pelaksanaan penambahaikan terlalu singkat.

9.0 KESIMPULAN

Program mengenai isu KKP ini dapat membantu IKKS untuk mengenalpasti risiko, akibat dan mengetahui hak sebagai seorang pekerja dan majikan. Setiap pekerjaan mempunyai hazard-hazard tersendiri. Justeru, langkah-langkah pencegahan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan risiko-risiko terjadinya kemalangan. Latihan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan amat diperlukan dalam sesebuah organisasi dalam mencegah kemalangan dan penyakit di tempat kerja secara berterusan. Program ini dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada majikan dan pekerja bagi mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Dengan adanya program ini dapat memberi ruang kepada IKKS untuk mengadaptasikan aspek KKP dalam urusan kerja sehari-hari seterusnya dapat mengurangkan kadar kemalangan dalam industri di Malaysia. IKKS boleh berubah ke arah KKP yang lebih baik tetapi memerlukan bimbingan dan bantuan dari segi kepakaran dan peruntukan untuk lebih berdaya saing. Produktiviti memang berhubungkait dengan prestasi KKP dalam jangkamasa panjang.

Diharapkan program-program seperti ini akan diteruskan di masa hadapan bagi meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja terhadap kepentingan pengurusan KKP seterusnya menerapkan budaya kerja selamat dan sihat di Malaysia. IKKS perlu maju kehadapan seiring dengan perkembangan KKP dunia. Visi Sifar; Selamat, Sihat dan Sejahtera.

Artikel ini ditulis bersama oleh:



Hj Mohd Esa Bin Baruji,

- Pakar Teknikal KKP 1, CRD, NIOSH
- Ketua Penyelidik, Projek Kajian Pemeriksaan KKP Majikan Utama NIOSH & JKPP
- Ketua Penyelidik, Projek Kajian Hazard Kesihatan, NIOSH & JKPP



Pn Siti Faeza Binti Yani

- Ketua Sektor Pihak Berkusa Tempatan
- Kumpulan Penyelidikan Kajian Hazard Kesihatan, NIOSH & JKPP
- Pegawai di OSHMD, CRD, NIOSH

Sebarang pertanyaan, konsultansi dan khidmat nasihat IKKS bolehlah dirujuk kepada:

Bahagian Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMD),

Jabatan Perundingan Dan Penyelidikan Dan Pembangunan (CRD),

Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

E-mel: crd@niosh.com.my Tel: 03-87692236

Whatsapp No: 013-2228155

PERSIDANGAN DAN PAMERAN BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KALI KE-21 (COSH 2018)

Pada 24-25 September 2018 telah berlangsung Persidangan dan Pameran bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ke 21 (COSH 2018) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Persidangan ini adalah perhimpunan tahunan yang berinformasi bagi setiap pengamal KKP untuk mengetahui maklumat serta perkembangan terkini di dalam bidang KKP serta berkongsi pengalaman demi memartabatkan budaya kerja selamat dan sihat. Pameran turut diadakan semasa persidangan itu berlangsung yang menghimpunkan syarikat-syarikat, pembekal-pembekal di dalam industri KKP.

Pada Isnin, 24 September 2018, Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ke-21 (COSH 2018) telah dirasmikan oleh YB Dato' Mahfuz Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Turut sama menghadiri majlis perasmian persidangan itu, Dato' Amir Omar, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengurus NIOSH, dan juga En. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH.

Persidangan dan Pameran bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ke-21 (COSH 2018) ini merupakan platform yang terbaik kepada para majikan dan pekerja untuk mengetahui maklumat serta perkembangan terkini di dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) serta dapat menghasilkan cetusan idea dan pendekatan yang berguna dalam membantu para majikan dan pekerja secara amnya dan kerajaan khasnya untuk melaksanakan usaha penambahbaikan berterusan ke tahap yang lebih baik.

Penyertaan terdiri daripada peserta-peserta di kalangan pengamal-pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Orang Yang Kompeten (OYK), pihak majikan, pihak Pekerja, Penyelidik serta semua yang terlibat di dalam bidang KKP dari dalam dan luar negara. Gabungan dan garapan ilmu, pengalaman serta pengetahuan yang diperolehi menjadi input berguna di dalam merealisasikan usaha berterusan kerajaan dalam mencapai objektif kemalangan sifar di tempat kerja.

PROGRAM NIOSH BERSAMA SYARIKAT PENYIARAN

Pada Selasa, 18 September 2018, siaran Selamat Pagi Malaysia di TV1, bersiaran bersama YBhg Tan Sri Lee Lam Thye pada jam 8.20 pagi. Program Malaysia Hari Ini (MHI) yang bersiaran pada 19 September 2018, pada jam 7.30 pagi juga bersama YBhg Tan Sri Lee Lam Thye bagi mempromosikan "Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health" (COSH 2018), anjuran NIOSH.

COSH 2018 bertemakan "Enhancing OSH In New Digital Era" atau Memperkuuhkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Digital Baru yang akan menangani cabaran-cabaran serta meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja dengan pengesanan awal pendedahan kepada risiko, pembangunan langkah-langkah pencegahan dan pelaksanaan sistem dan dasar OSH dalam era digital baru.

Persidangan COSH 2018 kali ke 21 ini diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) Putrajaya pada 24-25 September 2018. Persidangan tahunan ini menjemput pakar-pakar



dari dalam dan luar negara dari pelbagai bidang KKP yang akan berkongsi pengalaman dan membentang kertas kerja mereka. Sebanyak 18 kertas kerja akan dibentangkan semasa persidangan COSH 2018 itu berlangsung. Kertas kerja kali ini memfokuskan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam era digital baru. COSH 2018 kali ini akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia iaitu YB Dato' Mahfuz Omar.

Seramai 1500 peserta yang telah mendaftarkan diri dalam persidangan COSH 2018 dan lebih kurang 100 buah pempamer akan menyertai persidangan itu nanti yang akan mempamerkan produk-produk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Penglibatan dan penyertaan semua pihak amatlah dihargai dan diharapkan persidangan COSH 2018 berjaya dan berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

Tema COSH 2018 pada tahun ini bertajuk "Enhancing OSH In New Digital Era". Ia dipilih sebagai penyediaan perubahan yang memerlukan pendekatan bagi mempromosikan budaya pembelajaran sepanjang hayat yang memberi manfaat kepada tenaga kerja global generasi akan datang. Persidangan tahun ini menekankan cabaran untuk menangani dan meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja dengan pengesanan awal pendedahan kepada risiko,

pembangunan langkah-langkah pencegahan, pelaksanaan sistem dan dasar OSH dalam era digital baru.

COSH 2018 kali ke-21 ini melibatkan 1,500 peserta tempatan dan luar negara. Seramai 18 pakar dari dalam dan luar negara termasuk dari Negara Singapura, Korea, UK dan Thailand telah dijemput untuk membentangkan ceramah dalam program 2 hari tersebut.



Kawalan risiko elak nahas tapak binaan

• 14.7 kematian bagi setiap 100,000 pekerja dilapor

Oleh Suhaila Shahruh Annuar
chevna@nosp.com.my

► Putrajaya

Projek dan kontraktor pembina perlu membuat amaran di tapak bina merangkangkan sektor ini mencatatkan kadar kematangan mati di tempat kerja tertinggi dengan 14.7 kematian bagi setiap 100,000 pekerja.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Keshitah Pekerjaan (KKP), Ir. Omar Mat Piah berkata sepanjang tahun lalu sebanyak 183 kematian direkodkan di tapak bina dengan sebabnya merupakan kesan akibat terjatuh dari tempat tinggi atau struktur binaan jatuh.

Katanya setakat ini, terdapat kurangnya 15,000 tapak pembinaan berstatus aktif di seluruh negara yang mendahului pelbagai skala



Omar Ali dan ahli kerajaan merasmikan Operasi Khas Cegah Jatuh di Industri Pembinaan dengan menghadiri keseronokan kerajaan mengenai ke lepasan perkhidmatan ahli Katala Lumpur.

projek pembinaan.

"Ia termasuklah kemandulan perkhidmatan aman dan hartsarungan bangunan bersama-sama yang pentingnya boleh meningkatkan keselamatan di tapak kerja," katanya.

"Ketamaduan hasil kerja atas dua faktor utama, iaitu armen tidak selamat dan keadaan tidak selamat di kawasan tempat kerja."

"Justeru permasalahan kontraktor dan pekerja perlu mengetahui tentang kerja mereka agar ia selamat dan kawalan risiko peningkat tertinggi di tapak binaan."

"Kendalah kawalan risiko meningkat histeria yang betul juga perlu diambil untuk mengurangkan memanggaran pelbagai perkhidmatan dan keselamatan pekerjaan (KKP) merangkung beberapa elemen laju penghipoisan, pergeseran, pengawalan legerasian, pengawalan peralatan dan alat perlindung diri (PPD)."

"Keselamatan dan kesihatan di tapak binaan adalah penting bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) merangkung beberapa elemen laju penghipoisan, pergeseran, pengawalan legerasian, pengawalan peralatan dan alat perlindung diri (PPD)."

Fakta nombor

183 KES
kematian tapak binaan lalu

15,000
LOKASI
tapak binaan berstatus aktif

"Perpaduan antara para ahli CDM ini dalamkan di beberapa negara major, termasuk United Kingdom (UK) selain negara jiran kita, Singapura dalam amalan keselamatan dan kesihatan industri perpaduan."

"KKP sedang menangkis akta keselamatan dan kesihatan kerja (AKT) untuk meminimalisir bahaya dan resiko dalam amalan keselamatan dan kesihatan industri perpaduan."

"KKP juga merancang dan arsitek sekitarannya berikut kegalauan pemantauan terhadap akta berkesan," katanya.

Oleh itu, Program Transformasi dan Program Transformasi dan Perbaikan (CTTP) yang diperkenalkan Lemaha Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIPB) bukan mentransformasi sektor pembinaan negara serta mampu melaksanakan insitiutifnya semasa pelakuan dibuktikan," katanya.

SET PENGGAMBARAN TERBAIK



Anggota APMM menyelamatkan kru produksi yang cedera selepas set penggambaran hutan berhampiran sebuah posang raya di standar Batik Puchong terbakar, pagi semalam.

20 kru cedera terhidu asap

PUCHONG: Kru produksi filem di kawasan hutan berhampiran sebuah posang raya dekat Bandar Bukit Puchong, di sini, gempar apabila rumah yang dibina sebagai sebahagian set penggambaran terbakar pagi semalam.

Dalam sojuran kira-kira jam 7 pagi, kumpulan itu sedang menjalankan sesi penggambaran kebakaran sebelum api merentasi ke arah rumah di sana.

Orang ramai dalam Program Transformasi dan Perbaikan (CTTP) yang diperkenalkan Lemaha Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIPB) bukan mentransformasi sektor pembinaan negara serta mampu melaksanakan insitiutifnya semasa pelakuan dibuktikan," katanya.

"Mereka tidak melecur, namun didapati terhadu asap, sehingga daripada mereka ke lokasi untuk operasi memadamkan kebakaran.

"Apabila kebakaran berlaku, mereka tidak harus dibilang tinggal berseorangan di rumah dan ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab memastikan keselamatan anak mereka."

20 KRU CEDERA TERHIDU ASAP

Publication: Berita Harian
Date of Publication: 18 September 2018
Page number: 57

KAWALAN RISIKO ELAK NAHAS TAPAK BINAAN

Publication: Berita Harian
Date of Publication: 4 September 2018
Page number: 17

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT

BOOSTING SAFETY IN DIGITAL ERA

Amendments to act will be tabled in Parliament next month, says Mahfuz

SUHAILA SHAHRUL ANNUAR
PUTRAJAYA
news@nosp.com.my

THE amendments to the Occupational Safety and Health Act 1994 are expected to be tabled in the next sitting of the Dewan Rakyat to coordinate regulations and practices in line with today's digital era of the workplace.

Deputy Human Resources Minister Datuk Mahfuz Omar said the proposed amendments were being reviewed by the Attorney-General's Chambers.

"The comprehensive changes and improvements made to the act will cover various aspects like specifying the penalties for offences."

"All changes must be approved by all stakeholders, including industry players."

"If all goes smoothly, the amendments will be tabled in the next parliament session in October," he said yesterday at the



Deputy Human Resources Minister Datuk Mahfuz Omar greeting participants of the Conference on Occupational Safety and Health 2018 in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

launch of the Conference on Occupational Safety and Health (COSH) 2018, which attracted about 1,500 participants.

The theme of COSH 2018 is Enhancing OSH in the New Digital Era, which is a platform for government agencies and stakeholders to share their views and input on aspects relating to occupational safety and health in line with the Industry 4.0 revolution.

Present was National Institute

of Occupational Safety and Health (Niosh) chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

Mahfuz, who also chairs the National Occupational Safety and Health Council, said he would ensure that comprehensive efforts, new policies and the realignment of occupational safety and health directions would be integrated in all levels of society.

The ministry, he added, would boost the Occupational Safety and Health Department's capa-

bilities in terms of enforcement.

"We will ensure Niosh continues to excel and become a key driver in coming up with integrated studies relating to occupational safety and health so that it remains relevant to the current need on top of providing training and consultations in line with the digital era."

"The government plays an open and constructive roles to safeguard workers' safety in all sectors," he said.

Laksana audit keselamatan PPR

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Audit keselamatan perlu dilakukan di semua Projek Perumahan Rakyat (PR) di negara ini bagi mengelakkan insiden kanak-kanak maut terjatuh dari tingkat 17 di Blok A, PPR Kota Damansara dekat sini, Kamis lalu.



Pengerusi Institut Keselamatan dan Keshitah Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan audit keselamatan terhadap PPR dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti kelebihan yang boleh diperbaiki segera.

"Ada dilaporkan kanak-kanak terbabit terjatuh dari bangunan tersebut kerana jerji-jerji berkarat. Jadi, saya rasa itu mungkin menjadi salah satu punca berlakunya kejadian ini kerana ia tidak selamat," katanya ketika dihubungi Utusan

Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian susulan kes kejadian seorang kanak-kanak perempuan yang maut akibat terjatuh dari tingkat 17 di Blok A, PPR Kota Damansara dekat sini, Kamis lalu.

Mengulas lanjut, Lam Thye turut meminta pihak bertanggungjawab yang membina PPR memberi lebih tumpuan terhadap aspek keselamatan ketika membangunkan projek tersebut.

"Apabila PPR itu dibangunkan, reka bentuknya mestilah mengambil kira soal keselamatan penduduk termasuk dari segi pemasangan jerji dan lain-lain," katanya.

Beliau juga berkata, kanak-kanak tidak harus dibilang tinggal berseorangan di rumah dan ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab memastikan keselamatan anak mereka.

LAKSANA AUDIT KESELAMATAN PPR

Publication: Utusan Malaysia
Date of Publication: 19 September 2018
Page number: 12

BOOSTING SAFETY IN DIGITAL ERA

Publication: News Straits Times
Date of Publication: 25 September 2018
Page number: 71

Disclaimer

©Copyright 2018. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved. No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655

www.niosh.com.my

